



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN SST PROGRAM BLACKSPOT DAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

KUALA LUMPUR – Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia telah merasmikan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Program Blackspot (Fasa 1 dan 2), LPKSI dan Arahan Kerja (AK) Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia bagi tahun 2025. Isu keselamatan dan keselesaan pengguna Jalan Persekutuan adalah isu penting dan merupakan satu agenda nasional. Justeru, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) selaku agensi pelaksana sentiasa komited menyokong usaha berterusan Kerajaan, melalui penambahbaikan kemudahan infrastruktur Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia.

2. Secara keseluruhan, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan telah menerima peruntukan sebanyak RM2.26 Billion. Sehingga Julai 2025, sebanyak 109 bilangan kerja telah diluluskan di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya yang bernilai RM37 Juta. Daripada jumlah tersebut, 76 bilangan kerja merupakan pelaksanaan dibawah Program Blackspot manakala 33 bilangan kerja dilaksanakan dibawah Program Membina Lintasan Pejalan Kaki Sejaras Berlampu Isyarat (LPKSI). Sebanyak 99 SST telah berjaya dikeluarkan daripada jumlah tersebut dan baki 10 bilangan kerja dalam proses perolehan dan dijangka SST dikeluarkan pada Ogos 2025.

3. Di samping itu, sebanyak 1,648 kerja penyenggaraan berjumlah RM1.36 bilion telah diluluskan untuk dilaksanakan secara Arahan Kerja oleh syarikat konsesi yang dilantik melalui Perjanjian Perswastaan. Perincian kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut:

- 887 AK – Program Berkala Pavemen (BP)
- 659 AK – Program Berkala Bukan Pavemen (BBP)
- 102 AK – Program Penyenggaraan Kecil Jambatan

4. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan program ini, JKR telah mempertingkatkan pemantauan dari pelbagai peringkat melibatkan JKR Daerah sehingga ke Ibu Pejabat dengan menempatkan pegawai kompeten untuk memantau pelaksanaan projek di setiap lokasi selain membantu membimbing pihak kontraktor agar program ini dapat disiapkan dengan jayanya.

5. Sinergi antara Pengurus Program, JKR Negeri dan JKR Daerah amat penting untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan jabatan, lebih-lebih lagi apabila ia dilaksanakan dalam situasi kerja yang padat, kekangan sumber dan beban tugas sedia ada yang tinggi. Komitmen yang ditunjukkan ini amat dihargai dan wajar dijadikan contoh serta inspirasi kepada seluruh warga JKR.

6. Program seperti ini bukan sahaja memberi kesan kepada peningkatan keselamatan dan keselesaan pengguna Jalan Persekutuan, tetapi turut menyumbang kepada rangsangan ekonomi tempatan kerana melibatkan lebih 1,700 kontraktor secara langsung dan ratusan tenaga kerja secara tidak langsung, seterusnya memberi peluang pekerjaan dan menjana aktiviti ekonomi dikawasan-kawasan terlibat.

7. KKR berharap agar semua kontraktor yang menerima SST hari ini akan memberikan komitmen yang padu terhadap aspek mutu kualiti terutama dari segi mengikuti spesifikasi standard yang ditetapkan, kos dan masa, serta mengutamakan keselamatan di kawasan kerja. KKR tidak akan berkompromi terhadap isu-isu berkaitan kualiti kerja pembinaan dan penyenggaraan dalam memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sentiasa diutamakan selaras dengan aspirasi Program MYJalan.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
24 JULAI 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANibekerja